

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk mempersiapkan golongan belia dengan pengetahuan serta kesedaran, berikutan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian komited dalam merencana pelbagai gerak kerja untuk dilaksanakan bagi mewujudkan gelombang atau *wave* di kalangan belia sebagai persediaan kepada mereka untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi dalam pilihan raya yang akan datang. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah melalui **Program Rukun Negara@Belia (RNB)**.

Pengisian utama program ini bertujuan memberi kesedaran kepada golongan belia untuk menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi berikutan penurunan had umur mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun selain meningkatkan pengetahuan literasi politik. Sebanyak 114 program RNB dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2021. Sehingga **15 Oktober 2021**, sebanyak **94** program telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai **57,771** orang secara dalam talian dan juga secara bersemuka.

Sehubungan itu, **Pelan Perancangan Jangka Pendek** Kementerian dalam mempersiapkan golongan belia dengan pengetahuan dan kesedaran mengundi adalah dengan memohon peruntukan tambahan daripada kerajaan bagi melaksanakan gerak kerja awal. Walaubagaimana pun, kami masih menunggu maklum balas lanjut. Berikut adalah rangkuman untuk pelan perancangan tersebut:

- (i) Melaksanakan program RNB yang akan didasari oleh tiga (3) elemen utama iaitu **penyebarluasan promosi, pembangunan program** dan **idea kreatif** yang akan menyasarkan penyertaan seramai 350,000 orang yang terdiri daripada golongan belia awal (15 – 18 tahun) dan belia pertengahan (19 – 25 tahun).
- (ii) **Penyebarluasan Promosi** akan dilaksanakan bagi tujuan mewujudkan kesedaran awal secara menyeluruh berkaitan kelayakan pengundi 18 tahun ke atas. Beberapa mekanisme menerusi media massa (televisyen, radio dan media cetak), hebahan statik (*billboard, banner, dan bunting*), media sosial dan *merchandising* akan digunakan untuk tujuan promosi ini.
- (iii) Elemen **Pembangunan Program** yang merupakan tunjang utama dalam memberikan kefahaman kepada peserta, akan dirangka bagi memastikan segala intipati berkaitan pendidikan pengundi 18 tahun ke atas mampu disampaikan kepada para belia. Antara program yang dirancang pelaksanaannya adalah konvensyen, *fiesta*, seminar dan kursus, Perbincangan Meja Bulat (*RTD*), Program Rintis, Program Peningkatan Profesionalisme (*TOT*), Sembang Santai, *Townhall*, forum secara bersemuka dan atas talian serta penubuhan Sekretariat dan Kelab Undi 18. Bagi memastikan belia di luar negara juga tidak ketinggalan dengan pindaan perlembagaan ini, beberapa program pengantarabangsaan juga disusun bagi memastikan kumpulan sasar pengundi baru tidak tercicir.
- (iv) Elemen **Idea Kreatif** digarap atas kesedaran bahawa bakat generasi belia masa kini perlu diraikan bersama. Penghasilan video, penciptaan lagu, pengwujudan sistem pengundian

elektronik, penulisan kreatif dan video animasi dilihat mampu untuk menarik kumpulan sasaran untuk bersama-sama mewujudkan suasana belia yang sedar tentang tanggungjawab yang perlu dimainkan bagi memartabatkan sistem demokrasi di negara ini. Keterlibatan mereka secara langsung atau tidak langsung akan menjadi pencetus kepada perubahan landskap sistem demokrasi negara.

- (v) Bagi maksud penyebaran program kepada kumpulan sasaran, pihak kementerian akan menggunakan strategi **rentas agensi** dalam pelaksanaannya dengan mewujudkan kolaborasi strategik bersama pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kerajaan Negeri, Majlis Amanah Rakyat, pihak swasta dan lain-lain agensi kerajaan dan swasta yang mempunyai pelatih atau pelajar di pusat-pusat latihan mereka. Kerjasama ini akan menuntut komitmen yang tinggi daripada agensi-agensi tersebut bagi merealisasikan hasrat untuk membuka peluang kepada anak-anak muda menyumbang tenaga dan idea demi memperkasakan demokrasi negara.

Untuk Pelan **Perancangan Jangka Panjang** pula, Kementerian menyasar untuk melahirkan sekurang-kurangnya **1,050** orang pemimpin muda melalui penubuhan **Sekretariat Undi 18** serta **Kelab Undi 18** di peringkat institusi pendidikan dan latihan. Melalui pelaksanaan program yang melibatkan beberapa fasa, diharapkan pemimpin-pemimpin muda tersebut berupaya menjadi pemimpin pelapis yang unggul kepada negara dan pada masa yang sama mampu bertindak sebagai jurucakap bagi gerakan melestarikan pengundian bermula umur 18 tahun, menjadi petugas pilihanraya dan lain-lain lagi.

Dengan penubuhan sekretariat atau Kelab UNDI 18 ini, belia yang terlibat akan berupaya menjadi penyumbang dalam memberi advokasi berkaitan pendidikan undi 18. **Disasarkan sebanyak 35 sekretariat atau Kelab UNDI 18 ditubuhkan** yang meliputi institusi pendidikan dan latihan di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF
[JEMPOL]**

SOALAN

DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis vaksin yang akan digunakan sebagai dos penggalak dan keberkesanannya untuk melindungi serta mengurangkan kadar kes kematian akibat COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PKPD) telah memberikan kelulusan bersyarat sebagai dos penggalak seperti berikut :

Bil	Tarikh diluluskan Kelulusan Bersyarat oleh PKPD	Jenis Vaksin	Sela masa dari dos primer
1.	8 Ogos 2021	Vaksin <i>Comirnaty</i> (Pfizer- BioNTech)	Sekurang-kurangnya 6 bulan selepas menerima dos lengkap Vaksin <i>Comirnaty</i> . (Individu berumur 18 tahun dan ke atas)
2.	17 November 2021	Vaksin <i>AstraZeneca</i>	Sekurang-kurangnya 6 bulan selepas menerima dos lengkap Vaksin <i>AstraZeneca</i> . (Individu berumur 18 tahun dan ke atas)

SOALAN NO : 243

3.	17 November 2021	Vaksin <i>CoronaVac</i>	Sekurang-kurangnya 3-6 bulan selepas menerima dos lengkap Vaksin <i>CoronaVac</i> . (Individu berumur 18 tahun dan ke atas)
----	------------------	-------------------------	--

2. Data keberkesanan vaksin Comirnaty untuk melindungi serta mengurangkan kadar kes kematian akibat COVID-19 masih terhad, namun pihak KKM akan sentiasa memantau sebarang data saintifik yang baru berkaitan dengan vaksin Comirnaty sebagai dos penggalak (*booster*) terutamanya dari segi keberkesanan dan keselamatan vaksin tersebut dari masa ke semasa.

3. Sehingga kini, data keberkesanan vaksin Comirnaty yang tersedia adalah data keberkesanan dalam mengurangkan simptomatik COVID-19 dan juga COVID-19 yang serius (*severe COVID-19*). Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan di *Israel* yang melibatkan 1,137,804 orang yang berumur 60 tahun ke atas dan telah menerima dua dos lengkap vaksin Comirnaty. Hasil kajian menunjukkan setelah 12 hari menerima dos penggalak, kadar jangkitan di kalangan kumpulan yang menerima dos penggalak adalah lebih rendah berbanding kumpulan yang tidak menerima dos penggalak. **Manakala dari segi keberkesanan vaksin terhadap jangkitan COVID-19 dengan gejala adalah tinggi iaitu sebanyak 91.2 % [95% CI (90.4-91.9)] di kalangan penerima dos penggalak (*booster*) berbanding dengan penerima 2 dos vaksin sahaja.**

4. Selain daripada itu, kajian terbaru yang telah diterbitkan di Jurnal Nature Medicine bertarikh 30 September 2021 merupakan Kajian Tindak Balas Imun Terhadap dua dan tiga dos vaksin *Comirnaty (Pfizer BioNtech)* pada pesakit cancer. **Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa dos *Comirnaty (Pfizer-BioNtech)* ketiga selamat, meningkatkan imuniti humoral terhadap SARS-CoV-2 dan bermanfaat secara imunologi bagi pesakit barah dengan rawatan kemoterapi aktif.**

5. Antara kajian dos penggalak yang sedang dijalankan adalah kajian **COV-BOOST di United Kingdom yang melibatkan 18 lokasi kajian di seluruh England, Scotland dan Wales dan tujuh vaksin COVID-19 yang berbeza**. Kajian ini menilai keselamatan, tindak balas imun (*immunogenicity*) dan (*reactogenicity*) dos penggalak bagi COVID- 19 dos vaksin terhadap SARS-CoV2 di kalangan individu yang menerima dos lengkap vaksin seperti *Comirnaty (Pfizer-BioNtech)* atau *Oxford-AstraZeneca*. Analisa awal kajian COV-BOOST yang dikemukakan kepada *Joint Committee on Vaccination and Immunisation (JCVI), UK* pada 14 September **2021 menunjukkan bahawa dos penggalak vaksin COVID-19 umumnya dapat selamat dan memberikan peningkatan yang besar dalam tindak balas imun yang disebabkan oleh vaksin**. Khususnya, vaksin *mRNA* memberikan kesan penggalak yang kuat.

6. Pada 13 Oktober 2021, YB Menteri Kesihatan telah mengumumkan pemberian dos penggalak (booster) secara sukarela dan percuma di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). Sejarar dengan keputusan tersebut Sarawak telah memulakan pemberian dos penggalak (booster) pada 13 Oktober 2021 dan sejumlah 2175 dos telah diberikan kepada warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas. Seterusnya akan diikuti oleh anggota barisan hadapan. Golongan ini akan diberikan dahulu memandangkan mereka terdiri daripada kumpulan berisiko tinggi. Penerima dos penggalak tersebut terdiri daripada individu yang telah menerima dos lengkap Vaksin Comirnaty (Pfizer-BioNTech) sekurang-kurangnya 6 bulan yang lepas. Golongan ini akan menerima dos penggalak jenis yang sama (homologous) iaitu Vaksin Comirnaty memandangkan hanya vaksin Comirnaty yang diberikan kelulusan bersyarat oleh Pihak Berkuasa Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PKPD) pada 8 Oktober 2021 yang lalu.

Sekian, terima kasih.